



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


01 JUN 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **318 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **62,562 kes**. Satu (1) kes kematian direkodkan hari ini iaitu di daerah Tuaran. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 199 menjadikan jumlah kumulatif 59,952 orang. Seramai 1,527 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 469 orang di hospital, 1,056 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara dua (2) orang. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 68 orang dan 26 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Nabawan berubah dari zon hijau ke zon kuning.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 15 daerah
- Zon Jingga dua (2) daerah
- Zon Kuning enam (6) daerah
- Zon Hijau empat (4) daerah

5 Analisa Kes COVID-19 Di Sabah

- i Pada hari ini, jumlah kes positif COVID-19 di Sabah mencatatkan peningkatan yang agak ketara dengan kenaikan 111 kes iaitu daripada 207 kes kelmarin (31 Mei 2021) kepada 318 kes (1 Jun 2021).
- ii Daripada 318 kes jangkitan baharu hari ini, 217 kes adalah hasil daripada saringan kontak rapat, 44 kes adalah daripada saringan kluster, 29 kes adalah daripada saringan bergejala, 16 kes daripada saringan bersasar dan 12 kes adalah daripada lain-lain kes.
- iii Terdapat 13 daerah yang mencatatkan peningkatan kes hari ini dengan lapan (8) daerah mencatatkan peningkatan kes pada julat satu (1) angka, manakala lima (5) lagi daerah lain mencatatkan peningkatan kes pada julat dua (2) angka iaitu Tawau 90 kes (+62), Lahad Datu 43 kes (+31), Kota Belud 22 kes (+12), Kalabakan 12 kes (+11) dan Papar 13 kes (+10).
- iv Walau bagaimanapun, lapan (8) daerah di Negeri Sabah mencatatkan penurunan kes. Tujuh (7) daerah mencapai penurunan kes dengan julat satu (1) angka manakala satu (1) daerah lagi menunjukkan penurunan pada julat dua (2) angka iaitu Sandakan (-31).
- v Pada hari ini, tujuh (7) daerah mencatatkan sifar (0) kes iaitu Beluran, Telupid, Tongod, Pitas, Kota Marudu, Keningau dan Tambunan.
- vi Perubahan kes bagi setiap daerah adalah tidak statik kecuali daerah-daerah yang masih mengekalkan status Zon Hijau dan berlakunya peningkatan kes menunjukkan kebarangkalian bahawa masih terdapat ketidakpatuhan SOP di kalangan masyarakat.
- vii Keberkesanan penurunan kes dalam membendung penularan pandemik COVID-19 ini sangat bergantung kepada sejauh mana kesungguhan komuniti dalam pematuhan SOP sendiri dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 3,930 unit

- Hospital 605 unit
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,905 unit
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 38.85%

B KELULUSAN OPERASI MEDIA MASSA SEPENUHNYA

1 Peranan media massa penting dalam membantu kerajaan menyampaikan serta menyebarkan maklumat sahih dan terkini kepada rakyat jelata.

2 Menyedari hakikat itu, Kerajaan Negeri hari ini memberi kelulusan sepenuhnya kepada semua agensi media massa untuk beroperasi dari semasa ke semasa mengikut keperluan masing-masing.

3 Kelulusan ini diberikan dengan mewajibkan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

C SEKTOR PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN

Tidak ada sebarang perubahan ke atas mana-mana SOP yang telah diumumkan kelmarin (31 Mei 2021) buat masa ini.

D PKPD 3 LOKALITI DI KOTA BELUD

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini juga melaporkan situasi COVID-19 di 3 lokaliti di Kota Belud yang melibatkan:
 - Taman Nikmat
 - Kampung Pirasan
 - Kampung Dundau
- 2 KKM mengesahkan terdapat peningkatan kes yang ketara di ketiga-tiga lokaliti ini apabila sebanyak lapan (8) kes positif telah direkodkan di Taman Nikmat, tujuh (7) kes di Kampung Pirasan dan lapan (8) kes di Kampung Dundau.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, **Kerajaan Negeri bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di ketiga-tiga lokaliti seperti yang dinyatakan bermula dari 3 Jun sehingga 16 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM melaksanakan saringan secara bersasar ke atas penduduk yang terlibat dan mengasingkan kontak rapat sekaligus mengekang penularan COVID-19 ke kawasan lain.

E PKPD KAMPUNG SIMPANGAN, TUARAN

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini juga melaporkan situasi COVID-19 di Kampung Simpangan, Tuaran.
- 2 KKM mengesahkan terdapat peningkatan kes yang ketara di lokaliti ini apabila sebanyak lapan (8) kes positif telah direkodkan hasil daripada 10 ujian saringan yang dijalankan.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, **Kerajaan Negeri bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Simpangan, Tuaran bermula dari 3 Jun sehingga 16 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

4 Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes bagi tujuan pengasingan serta melaksanakan saringan bagi kontak rapat.

F PENAMATAN PKPD LORONG 2, KAMPUNG KONGSI 8, TAWAU

1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Lorong 2, Kampung Kongsi 8, Tawau yang dijadualkan tamat pada 12 Jun 2021.

2 Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 295 ujian saringan dan 40 daripadanya disahkan positif COVID-19.

3 KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Lorong 2, Kampung Kongsi 8, Tawau, Sabah pada 2 Jun 2021, lebih awal daripada yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

G STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak **57,645** orang.

2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak **53,027** orang.

3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **1,109** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **75,040** orang.

4 Bagi Dos 2 Fasa 2, **239** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **27,298** orang.

- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah **5,548** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak **559,376** (mysejahtera 495,202 : laman web 63,963 : talian vaksinasi 211) bersamaan 19.1%.

H BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **326,519** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

I LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 79 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 29,536 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 92 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 66 hebahan melalui kereta peronda dengan satu (1) tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 65 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
- 29 orang : Tidak memakai pelitup muka/Tidak memakai pelitup separuh muka dengan betul.
 - 11 orang : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran pelanggan.
 - 13 orang : Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran
 - Satu (1) orang : Premis beroperasi lebih masa tanpa kebenaran
 - 11 orang : Lain-lain kesalahan.

- 3 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan Pelanggaran SOP COVID-19
- i Satu (1) kompaun dikeluarkan oleh Majlis Daerah Kinabatangan. Pemilik premis gagal menyediakan laluan keluar masuk premis.
 - ii Orang awam dan pemilik premis perniagaan hendaklah mematuhi SOP COVID-19 sepenuhnya. Penguatkuasa Pihak Berkuasa Tempatan akan menjalankan pemeriksaan dan akan mengkompaun kepada mereka yang gagal mematuhi SOP tersebut.
- 4 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 87 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 34 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 370 lokasi melibatkan seramai 196 anggota APM.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 77 anggota di 63 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah daerah iaitu di daerah Sandakan dan Keningau.
- 8 Sejumlah 176 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di enam (6) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 155 hebahan di seluruh Sabah

J KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Tenom	98%
2	Beluran	98%
3	Kota Marudu	98%
4	Kinabatangan	98%
5	Kunak	98%
6	Kudat	98%
7	Sipitang	98%
8	Tuaran	98%
9	Beaufort	98%
10	Kota Belud	97.5%
11	Kota Kinabalu	97.5%
12	Lahad Datu	97.5%
13	Semporna	97.5%
14	Keningau	97.5%
15	Ranau	97.5%
16	Tawau	97%
17	Papar	97%
18	Penampang	97%
19	Sandakan	96.5%

2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

SOP pindaan dan tambahan dalam Kenyataan Media YB Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan dan Menteri Kewangan II bertarikh 31 Mei 2021

LAMPIRAN A:

SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) SABAH 1 JUN 2021 HINGGA 14 JUN 2021 BAGI SEKTOR PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN TELAH DIKEMASKINI

SOP PKP Sabah bagi sektor perniagaan yang dibenarkan telah dikemaskini adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN L:

SOP SEKTOR PENGANGKUTAN AWAM, SEKTOR PENGANGKUTAN MARITIM DAN SEKTOR PEMBINAAN DAN PENYELENGGARAAN BAGI NEGERI SABAH DI BAWAH PKP

SOP sektor pengangkutan awam, sektor pengangkutan maritim dan sektor pembinaan dan penyelenggaraan bagi negeri Sabah di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 01 Jun 2021 hingga 14 Jun 2021 adalah seperti di **LAMPIRAN L**.

#LindungDiriLindungSemua

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
1 JUN 2021**

Dikemaskini 1 Jun 2021



SEKTOR PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN

AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
1. Pasar Awam/ Pasar Harian 2. Pasar Borong	6.00 pagi hingga 3.00 petang	Saringan Kesihatan	<ol style="list-style-type: none"> Semua pekerja dan pembekal diambil suhu badan dan disaring untuk gejala setiap hari; Pekerja yang mempunyai suhu melebihi 37.5°Celsius dan menunjukkan simptom seperti sakit tekak, batuk, selsema dan susah bernafas tidak dibenarkan bertugas; dan Pekerja dan pembekal diwajibkan memakai topeng muka atau <i>face mask</i>. 	<ul style="list-style-type: none"> - Pasar minggu; - Pasar tani; - Pasar tamu; dan - Pasar malam
		Penjarakan Fizikal	Memastikan jarak fizikal 1 meter antara setiap pelanggan semasa pembelian	
	Amalan Cuci Tangan	<ol style="list-style-type: none"> Menyediakan fasiliti mencuci tangan dengan sabun dan air atau <i>hand sanitizer</i>; dan Mewajibkan pekerja kerap membersihkan tangan selepas membuat satu tugas kerja. 		
	Pembersihan dan Nyah Kuman	<ol style="list-style-type: none"> Menggalakkan penggunaan peralatan makan <i>biodegradable</i> pakai buang; dan Menggunakan cecair pencuci untuk melakukan nyah kuman mengikut garis panduan KKM terutamanya tempat yang kerap disentuh. 		



SEKTOR PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN

AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
1. Pasar Awam / Pasar Harian 2. Pasar Borong	6.00 pagi hingga 3.00 petang 12.01 pagi hingga 6.00 pagi Kapasiti Pekerja : 60%	Saringan Kesihatan	Saringan kesihatan suhu badan, simptom dan riwayat kontak dengan pesakit COVID 19 atau kehadiran ke perhimpunan kepada semua pekerja warga tempatan dan asing yang memegang permit kerja (Pasar Borong).	Pasar minggu; Pasar tani; Pasar tamu; dan Pasar malam
		Membekalkan Face Mask	Membekalkan <i>face mask</i> secukupnya kepada pekerja dan memastikan pekerja memakainya setiap masa.	
		Aplikasi MySejahtera	<ol style="list-style-type: none"> Pengusaha Operator Premis wajib memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera ke dalam telefon bimbit masing-masing untuk pengesanan kontak rapat; dan Pengusaha Operator Premis perlu memastikan pekerja, pembekal dan pelanggan merekod kehadiran secara manual atau menggunakan aplikasi MySejahtera. 	
		Arahan Tetap	<ol style="list-style-type: none"> Keperluan merekod kehadiran serta suhu badan pekerja setiap hari; Disinfeksi bangunan setiap hari selepas operasi; Kepentingan untuk menghadkan bilangan pelanggan dalam pasar pada satu satu masa; dan Keperluan mempamerkan Notis Peringatan kepada pelanggan tentang SOP yang ditetapkan. 	



SEKTOR PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN

AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
1. Kompleks membeli-belah, pasar raya/ pasar raya besar; departmental store (hanya makanan, keperluan harian, keperluan bayi dan kanak-kanak, perubatan, peralatan elektrik dan berkaitan perlindungan dengan COVID-19); 2. Farmasi/penjagaan diri; kedai serbaneka/mini mart; 3. Kedai dobi (termasuk layan diri); 4. Kedai cermin mata dan Kedai makanan haiwan; 5. Kedai hardware; 6. Bengkel kenderaan dan penyelenggaraan serta alat ganti; 7. Kedai Peralatan sembahyang dan pengebumian; 8. Pajak gadai/kredit komuniti (syarikat peminjam wang berlesen.	7.00 pagi hingga 7.00 malam Kapasiti Pekerja : 60%	Kebersihan Premis	1. Proses nyah kuman dan pembersihan dilaksanakan selepas operasi; dan 2. Proses nyah kuman dan pembersihan dilaksanakan 3 kali sehari dalam tempoh operasi terutamanya di kawasan tumpuan umum seperti surau, tandas, stor, pejabat dan kaunter.	Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang
		Pengurusan Pelanggan	1. Mengawal lajukan keluar masuk pelanggan ke kompleks premis perniagaan; 2. Menghadkan kemasukan pelanggan ke dalam premis pada satu satu masa. Bilangan pelanggan tertakluk kepada keluasan premis; 3. Melaksana Program Kesedaran Awam; dan 4. Pemilik premis diwajibkan mendaftar dan memuat turun aplikasi MySejahtera untuk digunakan oleh pelanggan yang memasuki premis atau merekodkan kehadiran pelanggan secara manual.	
		<u>Saringan Kesihatan</u>	1. Memastikan semua staf, pembekal dan pelanggan melalui proses rekod kehadiran secara manual atau aplikasi MySejahtera dan saringan suhu badan; dan 2. Pengambilan suhu badan hanya sekali sahaja di pintu masuk kompleks dan bukan di setiap premis perniagaan bawah satu kompleks	
		<u>Penggunaan Hand Sanitizer</u>	<u>Hand sanitizer</u> disediakan di pintu masuk dan dipastikan penggunaannya sebelum <u>memasuki premis</u> .	
		<u>Pemakaian Pelitup Muka atau Face Mask</u>	Mewajibkan pemakaian <u>pelitup muka atau face mask</u> oleh pekerja dan pelanggan ketika berurusan.	



SEKTOR PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN

AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
1. Kompleks membeli-belah, pasaraya/ pasar raya besar, departmental store (hanya makanan, keperluan harian, keperluan bayi dan kanak-kanak, perubatan, peralatan elektrik dan berkaitan perlindungan dengan COVID-19); 2. Farmasi/penjagaan diri; kedai serbaneka/mini mart; 3. Kedai dobi (termasuk layan diri); 4. Kedai cermin mata dan Kedai makanan haiwan; 5. Kedai hardware; 6. Bengkel kenderaan dan penyelenggaraan serta alat ganti; 7. Kedai Peralatan sembahyang dan pengbumian; 8. Pajak gadai/kredit komuniti (syarikat peminjam wang berlesen.	7.00 pagi hingga 7.00 malam Kapasiti Pekerja : 60%	Pemantauan dan Pematuhan	1. Menyelaras dan memantau supaya semua peraturan dipatuhi oleh pekerja dan pelanggan; dan 2. Meningkatkan kesedaran tentang kebersihan premis dan pekerja.	Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang
		Penjarakan Fizikal	Memastikan penjarakan fizikal 1 meter sepanjang masa.	
		<u>Transaksi Tanpa Sentuhan</u>	Digalakkan membuat bayaran secara elektronik.	
		<u>Arahan Tetap</u>	1. Tertakluk kepada peraturan dan arahan Pihak Berkuasa Tempatan dari semasa ke semasa; dan 2. Operasi di kawasan PKPD tidak dibenarkan. 3. Penerangan secara berkala kepada pelanggan mengenai pematuhan SOP Covid-19 di premis-premis yang mempunyai Sistem Siarava (PA System).	



SEKTOR PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN

AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
Restoran (Termasuk Restoran Dalam Hotel), Cafe, Kedai Makan, Kenderaan Bersaji (Food Truck), penjaja tepi jalan, penjaja beredar, medan selera, pusat penjaja, gerai makan tepi jalan atau kiosk.	7.00 pagi hingga 7.00 malam	Kebersihan Premis	Proses nyahkuman dan pembersihan dilaksanakan 3 kali sehari semasa dalam tempoh perniagaan beroperasi.	Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang
		Penggunaan <i>Hand Sanitizer</i>	<i>Hand sanitizer</i> disediakan di pintu masuk dan dipastikan penggunaannya sebelum memasuki premis.	
	<u>Penjarakan Fizikal</u>	<ol style="list-style-type: none"> Memastikan kawalan keluar masuk pelanggan; Memastikan kehadiran pekerja dan pelanggan direkodkan; Mematuhi penjarakan fizikal 1 meter semasa berada di premis; dan Menghadkan bilangan pelanggan berada di premis pada satu masa. <u>Bilangan pelanggan adalah berdasarkan keluasan premis.</u> 		
	Pemakaian Pelitup Muka atau <i>Face Mask</i>	Mewajibkan pekerja dan pelanggan memakai <i>face mask</i> semasa berada di dalam premis.		
	<u>Mengambil Suhu Badan</u>	Mengambil suhu badan pekerja dan pelanggan.		
	<u>Transaksi tanpa sentuhan</u>	Digalakkan membuat bayaran secara elektronik.		
	<u>Penggunaan Aplikasi MySejahtera</u>	<ol style="list-style-type: none"> Pemilik premis diwajibkan mendaftar dan memuat turun aplikasi MySejahtera untuk digunakan oleh pelanggan yang memasuki premis; dan Memastikan pelanggan melalui proses rekod kehadiran secara manual atau aplikasi MySejahtera. 		



SEKTOR PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN

AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
Restoran (Termasuk Restoran Dalam Hotel), Cafe, Kedai Makan, Kenderaan Bersaji (Food Truck), penjaja tepi jalan, penjaja beredar, medan selera, pusat penjaja, gerai makan tepi jalan atau kiosk.	7.00 pagi hingga 7.00 malam	<u>Dine In</u>	<ol style="list-style-type: none"> <u>Dine In</u> adalah TIDAK DIBENARKAN. Semua proses pembelian adalah terhad untuk pembelian secara pandu lalu (jika berkenaan), <i>take away</i> atau secara penghantaran (<i>delivery</i>) sahaja. 	Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang
		Tempahan Secara Atas Talian	Digalakkan membuat tempahan secara atas talian atau melalui panggilan telefon.	
	<u>Transaksi Tanpa Sentuhan</u>	Digalakkan membuat <u>pembayaran</u> secara elektronik.		
	<u>Penggunaan Aplikasi MySejahtera</u>	<ol style="list-style-type: none"> Pemilik premis diwajibkan mendaftar dan memuat turun aplikasi MySejahtera untuk digunakan oleh pelanggan yang memasuki premis; dan Memastikan pelanggan melalui proses rekod kehadiran secara manual atau aplikasi MySejahtera. 		
	<u>Arahan Tetap</u>	<ol style="list-style-type: none"> Tertakluk kepada peraturan Pihak Berkuasa Tempatan; dan Operasi di kawasan PKPD tidak dibenarkan. Penerangan secara berkala kepada pelanggan mengenai pematuhan SOP Covid-19 di premis-premis yang mempunyai Sistem Siaraya (PA System). 		



SEKTOR PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN

AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
Other Specialty Retail Stores : <u>Stesen minyak</u>	6.00 pagi hingga 8.00 malam Kapasiti Pekerja : 60%	<u>Kebersihan Premis</u>	Proses nyah kuman di premis dilaksanakan 3 kali sehari dalam tempoh operasi dan pump nozzle dinyah kuman secara kerap.	Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang
		<u>Penggunaan Hand Sanitizer</u>	<u>Hand sanitizer</u> disediakan di pintu masuk dan dipastikan penggunaannya sebelum memasuki premis.	
		<u>Penjarakan Fizikal</u>	<ol style="list-style-type: none"> Memastikan kawalan keluar masuk pelanggan; Memastikan kehadiran pekerja dan pelanggan direkodkan; Mematuhi penjarakan fizikal 1 meter semasa berada di premis, dan Menghadkan bilangan pelanggan berada di premis pada satu satu masa. <u>Bilangan pelanggan adalah berdasarkan keluasan premis.</u> 	
		<u>Pemakaian Pelitup Muka atau Face Mask</u>	Mewajibkan pekerja dan pelanggan memakai <i>face mask</i> semasa berada di dalam premis.	
		<u>Mengambil Suhu Badan</u>	Mengambil suhu badan pekerja dan pelanggan.	
		<u>Transaksi Tanpa Sentuhan</u>	Digalakkan membuat bayaran secara elektronik.	
		<u>Tindak Balas Keselamatan</u>	Syarikat perlu mewujudkan Jawatankuasa Tindak Balas Menangani COVID 19 bagi penyediaan dan pelaksanaan tatacara mengurus kes kes jangkitan COVID-19.	



SEKTOR PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN

AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
Other Specialty Retail Stores : <u>Stesen minyak</u>	6.00 pagi hingga 8.00 malam Kapasiti Pekerja : 60%	<u>Penggunaan Aplikasi MySejahtera</u>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemilik premis diwajibkan mendaftar dan memuat turun aplikasi MySejahtera untuk digunakan oleh pelanggan yang memasuki premis; dan 2. Memastikan pelanggan melalui proses rekod kehadiran secara manual atau aplikasi MySejahtera. 	Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang
		Arahan Tetap	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tertakluk kepada peraturan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkuatkuasa; dan 2. Operasi di kawasan PKPD tidak dibenarkan. 3. Penerangan secara berkala kepada pelanggan mengenai pematuhan SOP Covid-19 di premis-premis yang mempunyai Sistem Staraya (PA System). 	



Kemaskini pada 31 Mei 2021 - KKRS

KEMENTERIAN KERJA RAYA SABAH

**SOP PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)
AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988 AKTA 342
DI SELURUH NEGERI SABAH**

[1 JUN 2021 SEHINGGA 14 JUN 2021]



Kemaskini pada 31 Mei 2021 - KKRS

KEMENTERIAN KERJA RAYA SABAH

STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)

- 1. SEKTOR PENGANGKUTAN AWAM**
- 2. SEKTOR PENGANGKUTAN MARITIM**
- 3. SEKTOR PEMBINAAN DAN
PENYELENGGARAAN**



SEKTOR PENGANGKUTAN AWAM

1. AKTIVITI PENGANGKUTAN AWAM DARAT



- 1.1 Perkhidmatan Bas Henti-Henti & Kereta Sewa;
- 1.2 Perkhidmatan Keretapi; dan
- 1.3 Stesen Minyak / Stesen POL.

3

1.1 - SEKTOR PENGANGKUTAN AWAM (BAS HENTI-HENTI DAN KERETA SEWA)



Merangkumi

Operasi perkhidmatan teksi, e-hailing dan bas henti-henti. (Perkhidmatan Bas Ekspres tidak dibenarkan merentas daerah)

Menjalankan perkhidmatan mengambil penumpang

Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

Arahan Tetap

1. Akta 342 : Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988
2. Pekeliling MKN & KKM
3. Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19 Negeri Sabah
4. Akta Pengangkutan Jalan 1987
5. Akta Pengangkutan Awam Darat 2010
6. Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987

Waktu Beroperasi 6 pagi – 8 mlm

Waktu Kehadiran Pelanggan 8 pagi – 5 ptg

Kapasiti Pekerja (Pejabat) 60%

Bekerja Dari Rumah 40%

Kemaskini pada 31 Mei 2021 - KKRS

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
1. Perkhidmatan bas henti-henti, teksi dan e-hailing	<ul style="list-style-type: none"> i. Kapasiti bilangan penumpang bas henti-henti dan teksi adalah 50% manakala kapasiti penumpang E-Hailing hanya 1 penumpang sahaja. ii. Pematuhan terhadap penjarakan sosial. iii. Semua perkhidmatan bas henti-henti/teksi / e-hailing tidak dibenarkan rentas daerah.
2. MySejahtera QR Code	<ul style="list-style-type: none"> i. Pengusaha perlu menyediakan QR Code Aplikasi MySejahtera ii. Penumpang perlu merekodkan perjalanan dengan mengimbas QR Code MySejahtera
3. Menggunakan transaksi tanpa sentuhan.	<ul style="list-style-type: none"> i. Menggalakkan tambang dibayar secara atas talian/online.
4. Menggalakkan penggunaan hand sanitizer.	<ul style="list-style-type: none"> i. Pemandu dan penumpang wajib menggunakan hand sanitizer sebelum dan selepas mengambil/menurunkan penumpang atau penumpang menaiki/menurun kenderaan.
5. Pembersihan dan Sanitasi	<ul style="list-style-type: none"> i. Kenderaan perlu disanitasi setiap trip perjalanan.

4

1.3 - SEKTOR PENGANGKUTAN AWAM (KERETAPI)



Merangkumi

Operasi perkhidmatan keretapi
Menjalankan perkhidmatan mengambil penumpang dan barangan (TERHAD):
KK-BFT: Tidak beroperasi;
BFT-HGT: 2 pergerakan pergi dan balik;
TNM-RYH: 2 pergerakan pergi dan balik; dan Pergerakan untuk tujuan kecemasan, penyenggaraan & pengujian.

Waktu Beroperasi | 6 pagi – 6 petang

Waktu Kehadiran Pelanggan | 7 pagi – 5 petang

Kapasiti Pekerja (Pejabat) Bekerja Dari Rumah | 60%
40%

Kemas kini pada 31 Mei 2021 - KKRS

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
1. Pemakluman dan pematuhan SOP	i. Menyediakan fasiliti hebahan awam dan kakitangan untuk membuat peringatan berkala berkaitan pematuhan SOP, seperti penjarakan fizikal, pemakaian pelitup separuh muka, kerap membasuh tangan, keutamaan kebersihan, mengurangkan interaksi dan sebagainya.
2. Pembersihan dan sanitasi	i. Pembersihan keretapi dan fasiliti selepas setiap trip serta di terminal keretapi selepas tamat operasi.
3. Pemakaian pelitup separuh muka	i. Penumpang, peniaga dan kakitangan diwajibkan memakai pelitup separuh muka sepanjang masa
4. Penggunaan hand sanitizer	i. Menyediakan akses kepada hand sanitizer di semua premis berbayar dan tidak berbayar di stesen.
5. Saringan gejala, serta mengambil/ merekod suhu kakitangan dan penumpang	i. Menyediakan pengimbas termal (thermal scanner) di semua pintu masuk stesen dan keretapi; ii. Penumpang yang mempunyai bacaan suhu melebihi 37.5°C tidak dibenarkan masuk dan dinasihatkan untuk menjalani pemeriksaan kesihatan dengan segera; dan iii. Penumpang boleh dihalang daripada menaiki keretapi jika dikesan bergejala.

Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

Arahan Tetap

- Akta 342 : Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988
- Pekeliling MKN & KKM
- Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19 Negeri Sabah
- Enakmen Kereta Api 2017 Jabatan Keretapi Negeri Sabah.

1.3 - SEKTOR PENGANGKUTAN AWAM (KERETAPI)



Merangkumi

Operasi perkhidmatan keretapi
Menjalankan perkhidmatan mengambil penumpang dan barangan (TERHAD):
KK-BFT: Tidak beroperasi;
BFT-HGT: 2 pergerakan pergi dan balik;
TNM-RYH: 2 pergerakan pergi dan balik; dan Pergerakan untuk tujuan kecemasan, penyenggaraan & pengujian.

Waktu Beroperasi | 6 pagi – 6 petang

Waktu Kehadiran Pelanggan | 7 pagi – 5 petang

Kapasiti Pekerja (Pejabat) Bekerja Dari Rumah | 60%
40%

Kemas kini pada 31 Mei 2021 - KKRS

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
6. Memastikan penjarakan fizikal 1 meter di terminal keretapi, premis perniagaan dan fasiliti awam	i. Memastikan penjarakan fizikal 1 meter semasa penumpang berada di kawasan terminal, premis perniagaan dan semasa menggunakan fasiliti awam seperti surau dan ruang menunggu.
7. Pintu / laluan masuk dan keluar premis	i. Menyediakan laluan berasingan bagi laluan masuk dan keluar pekerja dan penumpang.
8. Tanggungjawab penumpang	i. Penumpang bertanggungjawab untuk menggunakan aplikasi MySejahtera untuk mengimbas masuk QR Kod yang disediakan, atau mencatat maklumat diri secara manual semasa mendaftar; ii. Untuk golongan yang bekerja atau menjalankan urusan rasmi, penumpang perlu menunjukkan pas pekerja dan surat arahan rasmi daripada majikan di kaunter pembelian tiket; iii. Untuk pergerakan yang memerlukan permit merentas zon/ daerah daripada PDRM, penumpang perlu menunjukkan permit ini semasa pembelian tiket; iv. Penumpang bertanggungjawab untuk mematuhi semua SOP yang telah ditetapkan, termasuk meminimakan interaksi sepanjang masa; dan v. Penumpang diingatkan untuk bertanggungjawab dan mengelak melakukan perjalanan yang tidak perlu.
9. Kapasiti penumpang	i. Kapasiti penumpang adalah 50%; dan ii. Sentiasa menjaga penjarakan 1 meter di dalam keretapi.

Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

Arahan Tetap

- Akta 342 : Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988
- Pekeliling MKN & KKM
- Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19 Negeri Sabah
- Enakmen Kereta Api 2017 Jabatan Keretapi Negeri Sabah.

1.4 - SEKTOR PENGANGKUTAN (STESEN MINYAK)



Merangkumi

- Stesen minyak komersial
- Stesen POL bagi operasi pembekalan minyak kenderaan kerajaan

Waktu Beroperasi 6 pagi – 8 min

Waktu Kehadiran Pelanggan 8 pagi – 5 ptg

Kapasiti Pekerja (Pejabat) Bekerja Dari Rumah

60%
40%

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Kemas kini pada 31 Mei 2021 - KKRS

Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam aktiviti yang dilarang

Arahan Tetap

1. Arahan MKN
2. Akta 342 : Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988
3. Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan 2020).
4. Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19 Negeri Sabah

Tindakan	Penerangan Ringkas
1. Kebersihan Premis	i. Proses nyah kuman dan pembersihan dilaksanakan 3 kali sehari dalam tempoh operasi selepas operasi; dan ii. Pam nozzle dinyah kuman secara kerap.
2. Penggunaan <i>Hand Sanitiser</i>	i. Memastikan penggunaan <i>hand sanitiser</i> .
3. Penjarakan Sosial	i. Memastikan penjarakan sosial 1 meter semasa dalam premis dan di kawasan operasi, stesen minyak, dan ii. Menghadkan bilangan pelanggan berada di dalam premis pada satu-satu masa.
4. Penggunaan <i>Hand Sanitiser</i> dan peltip separuh muka	i. Mewajibkan penggunaan <i>hand sanitiser</i> atau menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun; dan ii. Mewajibkan penggunaan peltip separuh muka kepada pelanggan dan pekerja.
5. Mengambil dan Merekod Suhu Badan	i. Mengambil dan merekod suhu badan pekerja dan pelanggan.
6. Transaksi Tanpa Sentuhan	i. Digalakkan membuat bayaran secara elektronik atau <i>cashless</i> .
7. Peraturan/Arahan Pihak Berkuasa Tempatan	i. Tertakluk kepada peraturan Pihak Berkuasa Tempatan; dan ii. Operasi di kawasan PKPD adalah berdasarkan SOP KKM.
8. Pintu / laluan masuk dan keluar premis	1. Menyediakan laluan berasingan bagi masuk dan keluar pekerja/penumpang.

7



SEKTOR PENGANGKUTAN MARITIM

2. AKTIVITI PENGANGKUTAN MARITIM DAN LOGISTIK



- 2.1 Perkhidmatan Pelabuhan;
- 2.2 Operasi Pelabuhan dan Jeti Persendirian;
- 2.3 Logistik Pengangkutan (Darat); dan
- 2.4 Perkhidmatan Feri Penumpang/Roro dan Bot Penambang.

2.1 – PERKHIDMATAN PELABUHAN



Merangkumi

Kawalan Ketibaan Kapal Dalam Kawasan Had Pelabuhan Negeri Sabah

Waktu Beroperasi 6 pagi – 8 mlm

Waktu Kehadiran Pelanggan (Pejabat)

8 pagi – 5 ptg

Kapasiti Pekerja (Pejabat) Bekerja Dari Rumah

60%
40%

Kemas kini pada 31 Mei 2021 - KKRS

Aktiviti dibenarkan

- Aktiviti ekonomi dan industri
- Melaksanakan tugas rasmi Kerajaan
- Mendapatkan keperluan asas
- Mendapatkan rawatan kesihatan
- Urusan kecemasan dengan kebenaran PDRM

Arahan Tidak Dibenarkan

- Pergerakan dalam kawasan PKPB bagi tujuan selain aktiviti dibenarkan tanpa kebenaran PDRM
- Pergerakan rentas daerah tanpa kebenaran PDRM

Arahan Tetap

- Akta 342 Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Pegawai Diberikuasa di bawah Akta 342
- Arahan Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19 Negeri Sabah
- Ordinan Perkapalan Saudagar 1960
- Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga 2002
- Pekeliling-Pekeliling Pelabuhan & Dermaga
- Notis Pelabuhan Dan Dermaga

Tindakan	Penerangan Ringkas
1. Ketibaan kapal	i. Kapal yang tiba di had pelabuhan hendaklah berlabuh di dalam Labuhan Kuarantin.
2. Pemeriksaan Kapal oleh JKNS/KKM	i. Kapal hendaklah diperiksa dan nakhoda serta semua anak kapal dikehendaki menjalani saringan kesihatan di Labuhan Kuarantin; ii. Pemakaian pelitup separuh muka, <i>hand sanitizer</i> dan penjarakan sosial oleh Nakhoda serta semua anak kapal. iii. Perlu mendapatkan pelepasan dan status "Free Pratique" atau sijil kesihatan pelabuhan (<i>port health certificate</i>).
3. Perapatan dan labuhan di dermaga (<i>wharf</i>)	i. Malim dibenarkan naik ke atas kapal; dan ii. Kapal dibenarkan merapat/berlabuh di dermaga yang ditetapkan di bawah perkhidmatan Malim. iii. Malim dikehendaki memakai pelitup separuh muka, PPE, <i>hand sanitizer</i> dan mengamalkan penjarakan sosial 1 meter sepanjang berada di atas kapal
4. Kebenaran turun dari kapal	i. Nakhoda dan semua anak kapal adalah tidak dibenarkan turun (<i>No Shore Leave</i>) dari kapal kecuali atas tujuan kecemasan yang difikirkan perlu serta tertakluk kebenaran pihak berkuasa yang berkenaan.
5. Pembersihan dan sanitasi di kapal mengikut saranan JKNS/KKM	i. Semua peralatan yang digunakan di atas kapal hendaklah menjalani pembersihan dan sanitasi.

9

2.1 – PERKHIDMATAN PELABUHAN



Merangkumi

Kawalan Ketibaan Kapal Dalam Kawasan Had Pelabuhan Negeri Sabah

Waktu Beroperasi 6 pagi – 8 mlm

Waktu Kehadiran Pelanggan (Pejabat)

8 pagi – 5 ptg

Kapasiti Pekerja (Pejabat) Bekerja Dari Rumah

60%
40%

Kemas kini pada 31 Mei 2021 - KKRS

Aktiviti dibenarkan

- Aktiviti ekonomi dan industri
- Melaksanakan tugas rasmi Kerajaan
- Mendapatkan keperluan asas
- Mendapatkan rawatan kesihatan
- Urusan kecemasan dengan kebenaran PDRM

Arahan Tidak Dibenarkan

- Pergerakan dalam kawasan PKPB bagi tujuan selain aktiviti dibenarkan tanpa kebenaran PDRM
- Pergerakan rentas daerah tanpa kebenaran PDRM

Arahan Tetap

- Akta 342 Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Pegawai Diberikuasa di bawah Akta 342
- Arahan Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19 Negeri Sabah
- Ordinan Perkapalan Saudagar 1960
- Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga 2002
- Pekeliling-Pekeliling Pelabuhan & Dermaga
- Notis Pelabuhan Dan Dermaga

Tindakan	Penerangan Ringkas
6. Pematuan SOP/arahan pihak berkuasa	i. Nakhoda dan semua anak kapal dikehendaki mematuhi semua arahan pihak berkuasa pelabuhan dan SOP JKNS/KKM sepanjang kapal berada di dermaga dan kawasan had pelabuhan.

10

2.2 - OPERASI PELABUHAN DAN JETI PERSENDIRIAN



Kapasiti Pekerja (Pejabat) 60%
Bekerja Dari Rumah 40%

Kemaskini pada 31 Mei 2021 - KKRS

Merangkumi

1. Operasi shipping line dan Non Vessel Operating Common Carrier (NVOCC)
2. Aktiviti penstoran (perudangan, tanak minyak, kawasan pervimpaan terbuka)
3. Operasi pembalikan kapal / bot keselamatan
4. Perkhidmatan freight forwarders dan agen kaotam
5. Operasi jeti howlers
6. Aktiviti penstoran (perudangan, off dock)
7. Operasi Inland Container Depot
8. Operasi ancillary services kepada pengangkutan melalui darat dan air (towing, stevedoring, bunkering, stuffing/unstuffing, ship chandling)

Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

Arahan Tetap

1. Akta 342: Akta Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit 1988
2. Akta Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit (Pindaan 2020).
3. Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19 Negeri Sabah
4. Enakmen Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah 1981
5. Enakmen Pelabuhan-Pelabuhan Sabah (Penswastan) 1998
6. Ports Regulations 1968 (G.N.S. 112 of 1968)
7. SOP Operasi Pelabuhan
8. Garis Panduan COVID-19 di Malaysia No.5/2020 (Annex 9 dan 25)
9. Ordinan Perkapalan Saudagar 1952/1960.

Waktu Beroperasi

Pelabuhan (6 pagi – 6 ptg)
Jeti Persendirian (Rujuk Penerangan Ringkas)

Waktu Kehadiran Pelanggan

8 pagi – 5 ptg

Tindakan	Penerangan Ringkas
1. Pemeriksaan Kapal/barge oleh KKM	i. Kapal/barge hendaklah menjalani pemeriksaan dan telah mendapat pelepasan saringan kesihatan oleh KKM di laut sebelum dibenarkan merapat di Pelabuhan/Jeti Persendirian.
2. Kebenaran turun dari kapal/barge	i. Kapten dan krew kapal adalah tidak dibenarkan turun dari kapal/barge.
3. Mengambil dan merekod suhu badan pekerja dan pengguna pelabuhan/jeti	i. Mengambil dan merekod suhu badan pekerja dan pengguna pelabuhan/jeti pada awal waktu bekerja. (melebihi suhu badan 37.5 darjah celsius tidak dibenarkan masuk). ii. Pekerja dan pengguna pelabuhan/jeti perlu merekodkan perjalanan dengan mengimbas QR Code MySejahtera.
4. Penggunaan hand sanitizer	i. Menyediakan hand sanitizer atau kawasan mencuci tangan dengan sabun.
5. Penjarakan sosial	i. Memastikan penjarakan sosial 1 meter setiap masa di pelabuhan/jeti persendirian
6. Penggunaan pelitup muka	i. Mewajibkan pemakaian pelitup muka kepada pekerja dan pengguna pelabuhan/jeti.
7. Pembersihan dan sanitasi pejabat mengikut saranan KKM	i. Menggunakan cecair pencuci yang sesuai, setiap hari. (sebelum atau selepas operasi)

11

2.2 - OPERASI PELABUHAN DAN JETI PERSENDIRIAN



Kapasiti Pekerja (Pejabat) 60%
Bekerja Dari Rumah 40%

Kemaskini pada 31 Mei 2021 - KKRS

Merangkumi

1. Operasi shipping line dan Non Vessel Operating Common Carrier (NVOCC)
2. Aktiviti penstoran (perudangan, tanak minyak, kawasan pervimpaan terbuka)
3. Operasi pembalikan kapal / bot keselamatan
4. Perkhidmatan freight forwarders dan agen kaotam
5. Operasi jeti howlers
6. Aktiviti penstoran (perudangan, off dock)
7. Operasi Inland Container Depot
8. Operasi ancillary services kepada pengangkutan melalui darat dan air (towing, stevedoring, bunkering, stuffing/unstuffing, ship chandling)

Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

Arahan Tetap

